

29 JAN 1996

JPA BERTEMU CUEPACS ESOK

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- JPA sudahpun menyediakan perkiraan muktamad pelarasan gaji dan telah memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

Semasa mengumumkan demikian, Lim berkata JPA akan bertemu dengan Cuepacs esok untuk membincangkan perkara itu.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Indonesia Drs Abdul Latief, Lim menyatakan harapannya yang Cuepacs akan menerima cadangan bayaran lebih awal tunggakan gaji itu.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Mazlan Ahmad, Sabtu lepas mengeluarkan surat pekeliling yang kakitangan kerajaan akan menerima sebulan gaji tertakluk kepada had maksimum RM650 sebagai pembayaran pendahuluan bagi tunggakan pelarasan gaji mereka sebelum Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa bulan depan. -- Bernama